

Ubah mentaliti bagi elak bencana berulang: TPM

m/d/13

Kuantan: Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail meminta rakyat mengubah mentaliti jika ingin mengelak bencana terutama banjir kilat berulang di kawasan mereka.

Selain taburan hujan luar biasa, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan, sikap masyarakat yang kurang mementingkan penyelenggaraan seperti pembuangan sampah secara tidak terkawal turut menyumbang kepada banjir.

“Kita tahu mengenai risiko banjir setiap kali musim Monsun Timur Laut melanda negeri di Pantai Timur Semenanjung, namun ia juga berkaitan dengan sikap tidak menjaga kebersihan serta masalah penyelenggaraan longkang dan sampah-sarap.

“Kalau ubah sikap, kita boleh kurangkan risiko banjir seperti banjir kilat yang kebanyakannya berpunca daripada sistem saliran tidak diselenggara dengan baik.

“Infrastruktur perparitan dan saliran adalah baik tetapi aspek penyelenggaraan perlu diperbaiki manakala amalan menjaga kebersihan perlu dijadikan tanggungjawab

Semua bekalan barangan keperluan asas dan barangan kering mula dihantar ke 118 pangkalan hadapan di negeri ini sejak April lalu dan kerajaan memperuntukkan RM1 juta untuk barangan keperluan asas dan RM2 juta bagi barangan kering.

Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri

wab bersama masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Lawatan Kerja Bagi Meninjau Persediaan Menghadapi Monsun Timur Laut 2019/2020 di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Kompleks Penyayang Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak; Ahli Parlimen Kuantan yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh; Pengarah JKM negeri, Zulkhairi Zainol Abidin.

Mengenai persiapan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan agensi berkaitan menghadapi kemungkinan banjir besar tahun ini, Dr Wan Azizah berkata, secara keseluruhannya berpuas hati dengan tahap kesiapsiagaan pihak terbabit.

“Saya dimaklumkan 7,174 pegawai dan anggota daripada Ang-

katan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta JKM sudah bersedia menjalankan tugas jika banjir melanda Pahang.

“Aset seperti bot pelbagai jenis sebanyak 171 buah dan 429 kenderaan pelbagai guna juga bersedia digunakan, manakala 245 lokasi pendaratan helikopter dikenal pasti bagi memudahkan proses penghantaran bantuan ke lokasi yang tidak boleh diakses menggunakan laluan darat.

“Semua bekalan barangan keperluan asas dan barangan kering mula dihantar ke 118 pangkalan hadapan di negeri ini sejak April lalu dan kerajaan memperuntukkan RM1 juta untuk barangan keperluan asas dan RM2 juta bagi barangan kering,” katanya.

Sementara itu, projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kuantan 1 dijangka dapat disiapkan lebih awal oleh kontraktor dilantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang.

Dr Wan Azizah berkata, projek fasa satu membabitkan kerja naik taraf Sungai Belat dan membina struktur pencegah banjir yang dimulakan pada Januari 2018 dijadualkan siap Januari 2021, namun beliau yakin ia dapat disiapkan sebelum tarikh ditetapkan.

Projek kendalian Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli itu membabitkan peruntukan berjumlah RM118.4 juta dengan 16 sub-lembaran sungai antaranya Sungai Belat, Sungai Galing, Sungai Kenau, Sungai Pandan dan Sungai Panching.

Kira-kira 350,000 penduduk mendapat manfaat sebaik projek itu siap sepenuhnya dan dapat mengurangkan risiko banjir besar daripada melanda daerah ini.



ya yang dinaiki air di Kampung Batu
(Foto Khairunisah Lokman/BH)